

## Tun Abdul Razak sinonim dengan Lurah Bilut

---

Date: 30-03-2007

Author: Ali Mahmood

ASPIRASI FELDA GLOKAL

CAPTION:

1. TUN Abdul Razak (tengah) bersalam dengan para peneroka Felda Lurah Bilut.

2. KEGIGIHAN seorang peneroka, Hassan Abdul Hamid (kanan) membuahkan kejayaan apabila berjaya memiliki sebuah banglo di Felda Lurah Bilut membuktikan kehidupan peneroka kini bertambah baik.

Apabila menyebut nama Felda Lurah Bilut, pastinya nama bekas Perdana Menteri Malaysia kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein akan terlintas di fikiran kerana nama itu cukup sinonim dengan pembangunan dan kemajuan Felda.

Nama Allahyarham Tun Abdul Razak dan tanah rancangan itu saling berkait rapat kerana Lurah Bilut adalah tanah rancangan pertama Felda yang menjadi model kejayaan bagi kemajuan dan pembangunan tanah rancangan Felda seterusnya hingga berkembang di seluruh negara.

Felda Lurah Bilut yang kini berusia 48 tahun selepas dibuka pada tahun 1959 adalah bukti kejayaan ilham dicetuskan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak untuk membaiki taraf hidup rakyat miskin yang tinggal di luar bandar dan kawasan pedalaman.

Semasa hayatnya, Allahyarham Tun Abdul Razak cukup mengambil berat mengenai kemajuan Lurah Bilut dan membuat lawatan kerja setiap tahun kerana beliau tidak mahu melihat rancangan Felda yang pertama itu menemui kegagalan.

Bagi beliau, jika gagal ini bererti usaha kerajaan membantu rakyat miskin secara bersepadu pada masa akan datang juga pastinya tidak akan berjaya.

Rancangan Lurah Bilut bermula apabila Felda yang waktu itu hanya berfungsi sebagai institusi kewangan menyalurkan peruntukan kewangan kepada kerajaan negeri telah mengambil alih rancangan Lurah Bilut daripada Kerajaan Negeri Pahang pada tahun 1959.

Tanah rancangan ini merangkumi kawasan seluas 5,168 hektar mempunyai seramai 616 peneroka terdiri daripada 400 peneroka Melayu, 169 Cina dan 47 India mula diterokai oleh sekumpulan 28 peneroka yang diketuai oleh Hussin Ahmad dari Datuk Keramat, Kuala Lumpur.

Pengisian peneroka dibuat secara berperingkat-peringkat dan peringkat terakhir terdiri daripada enam keluarga peneroka pada bulan Ogos 1988.

Menurut Pengurus Felda Lurah Bilut, Mohd. Imra Pini, 49, terdapat 25 peratus generasi awal yang masih menetap di sini dan selebihnya adalah generasi kedua yang kini menikmati keselesaan hidup hasil perjuangan ibu bapa mereka.

"Kejayaan Felda Lurah Bilut bukan sahaja berkait rapat dengan usaha kerajaan memperbaiki taraf hidup rakyat miskin tetapi lebih daripada itu ia turut memaparkan ikatan perpaduan kaum dan kesepakatan komuniti untuk memelihara dan mewujudkan keharmonian yang ada seperti hari ini.

"Lurah Bilut adalah sebuah pekan kecil yang mempunyai segala kemudahan bagi memenuhi keperluan asas para peneroka. Selain masjid untuk Orang Melayu, di sini juga terdapat rumah ibadat untuk keperluan kaum Cina, India dan gereja," katanya.

Tambah Mohd. Imra, selain sekolah rendah dan menengah kebangsaan, terdapat juga sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil.

Secara umumnya, Felda telah berjaya memaju dan mencapai tahap pembangunan di Lurah Bilut yang membawa pelbagai kemudahan moden seperti kehidupan di kota bagi memastikan para peneroka mampu menikmati kehidupan lebih selesa.

Katanya, daripada sebuah hutan belantara, Lurah Bilut yang diambil sempena nama seekor ikan Bilut atau nama saintifiknya Kryptopterus Kryptopterus yang terdapat banyak di sungai-sungai Negeri Pahang mengalami kemajuan pembangunan membanggakan.

Dalam jangka masa penerokaannya sehingga kini ia dilengkapi kemudahan infrastruktur, komunikasi, pengangkutan, elektrik, pejabat pos dan banyak lagi yang bertaraf sebuah bandar.

Dalam bidang pendidikan pula, Felda telah menubuhkan tadika sejak tahun 1963 lagi bagi memenuhi keperluan pendidikan dan persediaan kanak-kanak ke sekolah.

Sekolah Rendah Kebangsaan Lurah Bilut turut dibina pada tahun sama termasuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil dan sekolah Menengah Kebangsaan pula di bina pada tahun 1973.

Kejayaan dinikmati oleh warga Lurah Bilut ini bukan datang sekelip mata tetapi telah menagih pengorbanan, ketabahan dan kecekalan.

Dalam usaha memastikan aspirasi Felda Lurah Bilut dapat dilaksanakan dengan sempurna, peranan Pengurus Rancangan merupakan tulang belakang dan nadi yang menggerakkan jentera pembangunan.

Peranan mereka bukan sahaja tertumpu dalam bidang pengurusan malah merangkumi aspek-aspek kesejahteraan para peneroka dan cabarannya di peringkat awal adalah cukup getir kerana masyarakatnya terdiri daripada rakyat berbilang kaum.

Terdapat seramai 15 pengurus yang pernah berkhidmat di tanah rancangan ini sejak tahun 1958 sehingga sekarang.

Pejabat Felda adalah antara infrastruktur terawal dibina sebagai pusat pentadbiran dan beroperasi yang diperbuat daripada kayu dan kini telah dijadikan sebagai Muzium Lurah Bilut.

Hari ini semua warga Lurah Bilut sebahagian besar adalah generasi kedua melahirkan penghargaan kepada Felda kerana tanpa wawasan Allahyarham Tun Abdul Razak itu mereka mungkin tidak mencapai keselesaan hidup yang

ada sekarang ini.

(Source : Utusan Malaysia)